



Abang alim buat maksiat

Soalan

SAYA mempunyai seorang abang angkat yang cukup baik dan selalu mengambil berat. Kami berkenalan sejak dari sekolah menengah dan usia kami hanya berbeza dua tahun.

Saya sayangkannya kerana dia rajin menunaikan solat. Malangnya semua berubah apabila dia bekerja di tempat baru dan paling nyata dia mula minum arak dan berzina.

Dia mula menjadi pemabuk dan selalu memukul isterinya tanpa mengira masa. Dia memukul hingga isterinya berdarah dan apabila saya cuba menghalang dia akan memukul saya pula.

Namun apabila kemarahannya reda, dia akan datang meminta maaf pada saya namun tidak pada isterinya. Malah, sudah lumrah mendengar dia menghamburkan kata kesat pada isterinya.

Saya cuba berjumpa bomoh dan pakar kaunseling untuk

menyelesaikan masalah ini selain meminta petunjuk Allah supaya membuka hatinya untuk berubah, namun sehingga kini tiada apa yang berlaku.

Saya sayangkan abang angkat seperti abang kandung begitu juga isterinya apatah lagi sejak kecil saya dibesarkan di rumah anak yatim.

Saya tidak mempunyai adik beradik lain.

Apakah yang boleh saya lakukan untuk memperbaiki keadaan ini?

Yang Keliru Selangor

Jawapan

Damat memahami dan empati kepada adik. Jika kita menyayangi seseorang dan tiba-tiba berlaku perubahan empunya disayang, ia satu igauan dan membawa tekanan psikologi. Apatah apabila perubahan yang berlaku beralih dari positif kepada negatif. Dr juga memahami kerisauan

adik takut kehilangan kasih sayang abang angkat.

Logiknya, manusia sebagai sebahagian daripada kehidupan, tidak kekal selamanya. Segala-gala bersifat dinamik dan berubah, sama ada disukai atau tidak.

Begitu apa yang berlaku kepada abang angkat adik. Peralihan kerja dan suasana baru merubah kehidupannya. Bagaimanapun, perubahan abang bukannya penghijrahan yang adik inginkan.

Sebaliknya, ia memporak-perandakan kebahagiaan keluarganya termasuk adik.

Dr tidak tahu sebab sebenar abang menjadi seorang penzina, peminum arak dan pendera. Manusia berubah atas sebab-sebab tersendiri.

Perubahan boleh berlaku untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tempat dan suasana baru. Ada merasakan perubahan berlaku untuk sesuatu tujuan. Apapun, hanya abang yang lebih mengetahui

akan sebab berubah.

Apa yang nyata, keluarga merana dan tersiksa akibat perbuatan abang setelah nafsu menguasai jiwa lara abang.

Secara fisiologi, apabila diri dikuasai arak, apa yang dilakukan banyak di luar kesedaran. Islam melarang umatnya meminum arak kerana ia mendatangkan begitu banyak keburukan.

Memukul isteri sehingga berdarah dan meninggalkan kesan adalah bersifat deraan. Laporan kepada pihak berwajib boleh dibuat untuk mengelakkan abang dari berterusan bersifat ganas. Jika dibiarkan berterusan ia menggalakkan lagi abang untuk terus bersifat kebinatangan.

Perubahan akan berlaku jika ada kemahuan dan niat diikuti dengan tingkah laku. Jika abang ingin berubah, abang perlu ada kemahuan untuk berubah. Jika tidak, amat sukar untuk adik mengubah sikap abang.

Orang yang menyayangi

seseorang tidak akan mudah putus asas untuk melihat perubahan orang yang disayangi. Jika adik benar-benar mahu membantu abang, sifat putus asa tiada dalam kamus. Pada ketika ini, abang berada dalam fasa yang mana emosi, nafsu jahat lebih menguasai dirinya.

Sebab itu, abang memerlukan sokongan orang-orang yang rapat untuk membimbing ke jalan yang benar. Di sinilah adik memainkan peranan penting untuk membantu abang. Adik ibarat "hiduplah seperti pohon kayu yang lebat buahnya dibaling dengan batu lalu dibalas dengan buah".

Untuk berubah, sering kali ia mengambil masa. Adik perlu memberi abang masa untuk kembali menjadi dirinya sebelum ini. Dan ini tentunya dengan bimbingan berterusan dari adik dan orang-orang yang rapat dengannya.

Adik juga perlu sentiasa mendoakan akan perubahan

abang. Sentiasa meminta petunjuk dari Allah supaya membuka hati abang.

Semasa abang berada dalam keadaan tenang, adik boleh berbincang secara berhemah dengannya. Sekeras keras batu dapat dihancurkan oleh titis air yang lembut.

Begitu jua sekeras keras hati dapat ditundukkan oleh kata-kata lembut.

Apabila adik sudah melakukan segala-galanya untuk mengubah tingkah laku abang, tapi masih gagal anggaplah bahawa adik sudah melakukan yang termampu.

Adik tidak boleh mengawal tingkah laku orang lain kecuali diri adik sendiri. Hargailah diri, diri itu bukan ringgit nilainya. Walaupun sedih tapi itulah realiti kehidupan.

Ada perkara yang kita inginkan tetapi tidak semestinya kita akan memperolehnya. Manusia merancang dan berusaha tapi Allah menentukan segala-galanya.

Murid benci dimarah guru

Soalan

DARU-baru ini, guru yang saya suka memarahi saya di depan pelajar lain kerana tidak dapat menjawab soalan yang ditanya. Saya rasa sangat sedih dan benci kerana bukan saya tidak mahu menjawab soalan itu, tapi memang tidak tahu jawabannya.

Selalunya dia tidak pernah memarahi saya kerana dia seorang guru yang baik. Tapi apabila saya dimarahinya, saya menjadi tawar hati untuk belajar.

Dr, saya ingin tahu, adakah dia sudah tidak suka kepada saya? Adakah guru marah anak murid kerana mereka ambil berat?

Lara, Selangor

Jawapan

MENJADI seorang guru memang besar cabarannya. Berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar mendedahkan guru kepada pelbagai tekanan. Psikologi seorang guru perlu



kuat kerana tugas guru banyak berhadapan dengan emosi. Guru baik ialah guru

yang dapat mengawal emosi apabila berhadapan dengan tekanan berbeza. Selain itu,

peranan guru sebagai tunjang utama dalam memperkasa dan memajukan bidang

pendidikan di negara ini sememangnya nyata. Peranan guru bukan saja

sebagai penyampai ilmu, malah sebagai jurutera sosial, penyubur perpaduan, pencorak minda dan pembangun sahsiah. Guru juga agen perubahan. Guru mendidik anak-anak bangsa, seperti adik yang amat memerlukan ilmu bagi memajukan diri, agama, bangsa dan negara. Guru bertindak sebagai pencetus dan penggerak kepada proses transformasi sistem pendidikan negara

Dr lihat, perbuatan guru memarahi adik bukan kerana dia tidak suka kepada adik, tapi lebih kepada keinginan beliau agar adik dapat menguasai pelajaran yang diajar. Sikap ini menunjukkan guru adik memang mengambil berat. Tiada guru yang suka melihat anak muridnya gagal dalam hidup. Bersifat tawar hati untuk belajar akibat dimarah hanya akan memberi kesan negatif kepada pembelajaran adik. Jadikan peristiwa dimarah guru itu sebagai motivasi untuk adik lebih bersungguh-sungguh dalam pelajaran.